

Ibu antara empat ditahan

BERITA HARIAN 16/3/17 m/s 34

➔ Mangsa cedera parah dalam perut akibat dihentak objek tumpul

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

✦ Petaling Jaya

Polis menahan empat orang, termasuk ibu kepada seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun yang mati dipercayai akibat didera di sini, kelmarin.

Wanita itu ditahan bersama kekasihnya serta suami pengasuh mangsa bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Semalam, polis menahan pengasuh kanak-kanak itu dan semua suspek berusia 20-an.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din, berkata laporan bedah siasat mendapati kematian berpunca daripada kecederaan parah di bahagian dalaman perut akibat hentakan objek tumpul.

Cedera di kemaluan

"Pemeriksaan awal pihak perubatan Pasukan Perubatan Universiti Malaya (PPUM) menemui kesan lebam di seluruh badan serta ada kecederaan seperti koyakan di kemaluan mangsa," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengenai kemungkinan mangsa turut didera secara seksual, Mohd Zani berkata, pihaknya masih menunggu laporan penuh bedah siasat.

Semua suspek direman dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Sebelum kejadian itu, ibu mangsa yang menetap di Sea Park di sini, mendakwa menghantar anaknya ke rumah pengasuh di Apartmen Impian Baiduri, Seksyen 51A, pada jam 1 tengah hari kelmarin dalam keadaan sihat dan ceria.

Terima mesej

Kira-kira sejam kemudian, wanita itu mendakwa menerima mesej melalui aplikasi WhatsApp daripada pengasuh mengatakan anaknya dalam keadaan tidak sihat, muntah dan badan lemah.

Berikutan itu, ibu mangsa yang bekerja sebagai juruwang di sebuah pasar raya, pergi ke rumah pengasuh pada jam 4 petang dan mengambil anaknya yang ketika itu sudah tidak sedarkan diri.

Dia membawa anaknya ke PPUM dan jam 5.40 petang, doktor mengesahkan mangsa meninggal dunia.